



Mengukur lilitan bulatan


Aktiviti ini dilakukan dalam kumpulan (4 orang).

Bahan: Tali, objek-objek berbentuk silinder atau sfera seperti botol, gelas, tin minuman, duit syiling, pensel, bola



Langkah-langkah:

1. Pilih satu objek berbentuk silinder.
2. Lilitkan seutas tali pada permukaan objek yang bulat itu bagi satu pusingan.
3. Pastikan tali tersebut dililit dengan cermat supaya membentuk satu bulatan.
4. Tandakan titik permulaan dan titik akhir dengan dakwat.
5. Buka lilitan, luruskan tali dan ukur jarak di antara dua tanda itu.



Catatan: Ukuran yang diperoleh ialah lilitan bulatan objek itu.

6. Ulang langkah 2 hingga 5 untuk duit syiling dan objek yang lain.
7. Rekodkan keputusan dalam jadual dan bandingkan ukuran dengan kumpulan lain.

Objek	Panjang lilitan (cm)
Botol air	
Gelas	
Tin minuman	
Syiling 20 sen	